



**MARITIM NEGERI SABAH
AGENSİ PENGUATKUASAAN MARİTİM MALAYSİA
JABATAN PERDANA MENTERİ
NO.1 BAYVIEW COURT LİKAS
JALAN BURUNG UPIH, SIGNAL HİLL
BEG BERKUNCI 2059
88450 KOTA KİNABALU**



Tel : 088270185
Faks : 088270165

SIARAN MEDIA

2 BUAH BOT NELAYAN TEMPATAN DI TAHAN DI PU.MENGALUM

KOTA KINABALU, 5 SEPTEMBER - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Maritim Negeri Sabah telah menahan 2 buah Bot Nelayan Tempatan bersama 25 orang awak-awak dan 2 orang tekong lingkungan umur 20-50 tahun yang disyaki warganegara Vietnam di perairan Kota Kinabalu dalam satu OP Khas, semalam.

Semasa melaksanakan Op Khas, bot samaran Maritim Malaysia telah mengesan dua buah bot nelayan tempatan (Vietnam) yang bernombor SBF 27 dan SBF 28 yang sedang bergerak melakukan tunda ganding. Pada jam lebih kurang 1.30 petang kedua-dua bot terbabit telah ditahan dan diperiksa dikedudukan lebih kurang 15 batu nautika barat laut Pulau Mengalum. Hasil pemeriksaan mendapati bot SBF 28 kesemua awak-awak gagal mempamerkan dokumen pengenalan diri yang sah serta permit kerja yang telah tamat tempoh. Dua buah cengkerang penyu turut dijumpai berada di atas bot terbabit.

Pengarah Maritim Negeri Sabah dan W.P Labuan, Laksamana Muda Maritim Dato' Mohd Zubil bin Mat Som berkata, "Kedua-dua bot dan semua awak-awak telah di tahan dan diiringi masuk ke jeti Maritim Malaysia Sepanggar bersama-sama dengan ikan campur-campur lebih kurang 200 Kg dan dua unit cengkerang penyu untuk siasatan dan tindakan selanjutnya". Semasa penahanan dilakukan mendapati hasil tangkapan adalah sedikit dipercayai sebahagian besarnya telah dipindahkan ke kapal lain untuk dipasarkan ke negara luar. Beberapa peralatan menangkap ikan turut dirampas. Kes disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997 kerana menangkap dan membunuh penyu.

Menurut beliau lagi, bot ini didaftarkan sebagai bot nelayan tempatan dan mempunyai lesen pukut rawai tetapi didapati kedua-dua bot ini telah melakukan aktiviti tunda ganding yang menyalahi syarat sah lesen. Dalam pada itu beliau juga memaklumkan kepada media terdapat lebih kurang 55 buah bot nelayan asing yang kebanyakannya berasal dari Vietnam dan telah didaftarkan sebagai bot nelayan tempatan. Dalam sidang media beliau juga memaklumkan Operasi Khas ini telah dijalankan dari bulan Jun tahun ini dan pihak Maritim Negeri Sabah telah berjaya menahan 19 bot yang terdiri daripada 7 buah bot nelayan asing dan 12 bot nelayan asing yang didaftarkan sebagai bot nelayan tempatan. Operasi khas ini akan terus dilaksanakan sehinggalah masalah ini dapat ditangani sewajarnya.

Beliau menyeru kepada semua orang awam terutamanya komuniti maritim untuk menyalurkan sebarang maklumat sekiranya terdapat apa-apa aktiviti yang mencurigakan melalui saluran yang betul dengan memaklumkan pihak Maritim Malaysia dengan kadar segera. Penjelasan ini berikutan terdapat salah faham oleh segelintir orang awam yang beranggapan pihak Maritim Malaysia tidak mengambil tindakan terhadap pencerobohan yang dikata dilakukan oleh bot nelayan asing disebarkan melalui media sosial wahal bot-bot yang dimaksudkan itu adalah bot nelayan tempatan. Keadaan ini menimbulkan salah faham kepada umum dan menimbulkan imej yang tidak baik kepada agensi penguatkuasa bukan saja kepada Maritim Malaysia tetapi juga agensi penguatkuasa lain yang turut menguatkuasakan undang-undang perairan negara.

Disamping itu beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada komuniti maritim yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Operasi kali ini. Beliau juga mengharapkan sokongan dan hubungan baik ini teruskan agar kedua-dua pihak mendapat manfaat khususnya keberkesanan operasi yang dijalankan oleh pihak Maritim Malaysia. Tambah beliau lagi, orang awam dimohon menyalurkan maklumat segera bagi menghalang kegiatan mencuri hasil laut di perairan negara. Sebarang maklumat dan aduan boleh menghubungi Pusat Operasi MN Sabah 088-270165 atau MERS 999 bagi memaklumkan sebarang kes kecemasan di laut.

-TAMAT -

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Leftenan Muda Maritim Nuraisyah Najwa Mehrip Abdullah
Pegawai Perhubungan Awam Wilayah Maritim Sabah dan Labuan
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

Tel : 012-8599056

Fax : 088 - 270165